

**GARIS PANDUAN**  
**SYNERGISED INDUSTRY-EXPERIMENTER RESEARCH**  
**GRANT INITIATIVE (SInERGI)**



***Research Innovation Business Unit (RIBU)***

***Kolej Kenanga 2***

***Universiti Teknologi MARA***

***40450 Shah Alam***

***Selangor***

## BAHAGIAN 1: UMUM

### 1.1 PENGENALAN

*Synergised Industry-Experimenter Research Grant Initiative* (SInERGI) ialah geran peringkat pra-komersil untuk membantu produk atau perkhidmatan hasil daripada inovasi penyelidikan dapat dipasarkan. Ini bertujuan membantu pembangunan atau penambahbaikan produk penyelidikan yang sedia ada bagi menambah nilai bersesuaian dengan kehendak asas pasaran.

Geran SInERGI menyediakan pembiayaan untuk pembangunan teknologi di peringkat pra-pengkomersilan. Ini termasuklah:

- i. skala naik (*up-scaling*),
- ii. ujian klinikal (*clinical testing*),
- iii. Ujian di makmal yang mempunyai sijil pengiktirafan daripada badan bertauliah (*testing laboratory accreditation*), dan
- iv. Penambahbaikan prototaip (mengikut spesifikasi/cadangan industri)

Geran ini adalah inisiatif UiTM selaras dengan dasar kerajaan untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan dan inovasi para penyelidik universiti. Pada masa yang sama ianya diharap mampu menjana pendapatan serta meningkatkan reputasi universiti.

Sebagai kesinambungan, geran yang diwujudkan ini diharap dapat menyuntik semangat para penyelidik UiTM untuk menghasilkan penyelidikan yang mempunyai nilai komersil tinggi dan seterusnya mampu menembusi pasaran global.

### 1.2 TUJUAN

Membantu para penyelidik UiTM untuk mempertingkatkan nilai dan kemampuan produk penyelidikan dan inovasi mereka bagi mencapai potensi komersil dan keboleh pasaran yang tinggi. Secara langsung ianya membantu menjana pendapatan universiti melalui pengkomersilan produk penyelidikan para penyelidik UiTM selaras dengan dasar k-ekonomi dan pelaksanaan Model Ekonomi Baru.

### 1.3 BIDANG PENYELIDIKAN

Terbuka kepada semua bidang penyelidikan sepertimana dinyatakan dalam **Lampiran 1** yang telah mempunyai hasil penemuan di mana memerlukan pembangunan tambahan bagi meningkatkan nilai keboleh pasaran dan nilai komersil.

### 1.4 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada semua penyelidik UiTM dengan syarat-syarat berikut:

#### 1.4.1 Warganegara Malaysia.

- 1.4.2 Keutamaan kepada kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah).
- 1.4.3 Bagi kakitangan bertaraf kontrak, termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.
- 1.4.4 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.
- 1.4.5 Penyelidik yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.4.6 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukannya sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 1.4.7 Jumlah peruntukan yang dipohon adalah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

## **1.5 SKOP PEMBIAYAAN**

- 1.5.1 Pembiayaan ini akan meliputi perkara-perkara yang tersebut di para 1.1.
- 1.5.2 Produk/hasil penyelidikan mestilah berpotensi untuk menjana pendapatan kepada UiTM.
- 1.5.3 Produk/hasil penyelidikan mestilah berpotensi untuk menjana industri berasaskan ilmu/pengetahuan baru; *atau*
- 1.5.4 Produk/hasil penyelidikan yang memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; *atau*
- 1.5.5 Produk/hasil penyelidikan yang berpotensi menyumbang kepada agenda strategik negara.

## **1.6 TEMPOH PROJEK**

Tempoh projek maksimum adalah lapan belas (18) bulan.

## **1.7 KUANTUM PEMBIAYAAN**

- 1.7.1 Jumlah maksimum bagi setiap projek adalah RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja).

- 1.7.2 Sejumlah 5% dari peruntukan yang diluluskan akan ditolak bagi tujuan perkhidmatan dan pemantauan projek untuk kegunaan Institut Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 1.7.3 Peruntukan tambahan untuk tujuan paten akan di beri sekiranya terdapat keperluan yang bersesuaian.

## 1.8 PERATURAN KEWANGAN

- 1.8.1 UiTM cuba sebaik mungkin menyediakan peruntukan secukupnya untuk membantu para penyelidik mencapai sasaran kebolehsasaran/pengkomersilan yang tinggi bagi hasil/produk penyelidikan dan inovasi mereka.
- 1.8.2 Vot-vot yang dipertimbangkan untuk pembiayaan adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 1.8.3 Geran SInERGI tidak boleh digunakan bagi perkara-perkara berikut:
- i. Menghasilkan pelan perniagaan (*Business plan*).
  - ii. Kajian pasaran (*Market survey*).
  - iii. Permohonan dan pendaftaran Harta Intelek (*IP filing and registration*).
  - iv. Pameran dan promosi produk (*Product exhibition and promotion*).

## 1.9 PROSES PERMOHONAN

- 1.9.1 Permohonan perlu menggunakan **Borang Permohonan Geran SInERGI** yang terkini di laman web RIBU atau laman web RMC.
- 1.9.2 Semua permohonan hendaklah dihantar ke:

**URUSETIA**  
**Synergised Industry-Experimenter Research Grant Initiative (SInERGI)**  
**Unit Pembangunan Perniagaan & Pemindahan Teknologi**  
**Research Innovation Business Unit (RIBU)**  
**UiTM-Technopreneur Centre**  
**Universiti Teknologi MARA**  
**40450 Shah Alam.**

- 1.9.3 Permohonan dibuka kepada projek penyelidikan yang mempunyai nilai komersil yang bersesuaian.
- 1.9.4 Bagi pembangunan prototaip yang melebihi siling Geran SInERGI, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.
- 1.9.5 Pihak penyelidik perlu menyatakan perancangan yang telah/akan diperolehi sehingga ke tahap pengkomersilan.

- 1.9.6 Semua permohonan Geran SInERGI perlu dilakukan secara pembentangan kepada jawatankuasa penilaian di bawah Jawatankuasa Geran SInERGI RMC (sila lihat **Lampiran 3**).

## **1.10 HASIL PENYELIDIKAN**

- 1.10.1 Penyelidik dimestikan untuk menghasilkan prototaip awal/asas yang memenuhi ciri-ciri/objektif yang diluluskan.
- 1.10.2 Setiap penyelidik perlu menyumbang sekurang-kurangnya 1 pembentangan dalam *Conference on Scientific and Social Research (CSSR)*.
- 1.10.3 Penyelidik disarankan untuk memohon paten ke atas hasil penyelidikan melalui RIBU.

## **1.11 PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN**

### **1.11.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

- i. Permohonan dibuka sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, penilaian permohonan akan dijalankan setiap suku tahun atau lebih kerap jika diperlukan.
- ii. Makluman pembukaan akan dibuat melalui laman web RMC dan RIBU.

## **BAHAGIAN 2: PENILAIAN**

### **2.1 PENILAIAN GERAN SInERGI**

- 2.1.1 Permohonan Geran SInERGI akan dinilai oleh Panel Penilai IPT yang dilantik di peringkat UiTM mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.
- 2.1.2 Jawatankuasa Geran SInERGI RMC akan memperakukan keputusan permohonan dan memaklumkan kepada Jawatankuasa Tabung Amanah RMC.
- 2.1.3 Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan UiTM.
- 2.1.4 Prosedur permohonan dan penilaian boleh dirujuk di **Lampiran 4**.

## **BAHAGIAN 3: PEMANTAUAN**

### **3.1 IMPLEMENTASI PROJEK**

Semua projek yang diluluskan di bawah Geran SInERGI perlu dipantau dari aspek:

- i. Prestasi projek; *dan*
- ii. Prestasi kewangan.

### **3.2 PENGAWALAN PROJEK**

- 3.2.1 Projek yang telah dianugerahkan akan dipantau dari aspek kemajuan projek dan perbelanjaan kewangan.
- 3.2.2 Aset adalah menjadi hak milik UiTM dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 3.2.3 UiTM berhak untuk menggantung atau menarik balik sokongan jika terdapat ketidak patuhan kepada perjanjian.

## **BAHAGIAN 4: KEPUTUSAN**

### **4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 4.1.1 Surat kelulusan projek akan dimajukan kepada Ketua Projek dan salinan akan diberikan kepada ahli projek oleh pihak RIBU.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh UiTM kepada penyelidik secara berperingkat-peringkat dan mengikut terma setelah surat kelulusan geran dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.

## **BAHAGIAN 5: PERANAN**

### **5.1 PERANAN PENYELIDIK**

- 5.1.1 Hanya memohon Geran SInERGI bagi produk yang telah betul-betul bersedia atau berpotensi besar untuk mencapai tahap kerja penambah baikan demi keboleh pasaran dan pengkomersilan yang tinggi.
- 5.1.2 Memastikan borang-borang permohonan/ kemajuan/ pemantauan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar mengikut jadual.

- 5.1.3 Melakukan penyelidikan dengan baik dan mengikut etika serta sentiasa menjaga nama baik universiti.
- 5.1.4 Memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.1.5 Mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan berkala dan laporan akhir seperti yang ditetapkan oleh RMC.

## **5.2 PERANAN RIBU**

- 5.2.1 Menghebahkan maklumat mengenai Geran SInERGI kepada penyelidik masing-masing di UiTM melalui laman web RMC.
- 5.2.2 Memastikan penilaian dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- 5.2.3 Memastikan penilaian dilaksanakan dengan mengambil kira etika manusia dan/atau haiwan (jika perlu).
- 5.2.4 Memastikan permohonan menepati garis panduan.

## **5.3 PERANAN JAWATANKUASA GERAN SInERGI RMC**

- 5.3.1 Menilai dan memperakukan permohonan baru yang mempunyai kebolehjayaan komersil yang tinggi.
- 5.3.2 Memberi kritikan membina dan memberi motivasi kepada penyelidik.

## **5.4 PERANAN RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMC)**

- 5.4.1 Memantau prestasi kemajuan penyelidikan dibawah pembiayaan Geran SInERGI
- 5.4.2 Mengurus dana pembiayaan Geran SInERGI serta laporan berkala dan laporan akhir penyelidikan.

## **BAHAGIAN 6: DEKLARASI**

- 6.1 Semua maklumat di atas adalah tertakluk kepada pindaan yang dibuat oleh UiTM. Sila dapatkan maklumat terkini daripada laman web RMC dan RIBU.

### BIDANG PENYELIDIKAN

<b>Kluster : SAINS &amp; TEKNOLOGI</b>				
Sains Tulen (ST)	01	Kimia	05	Sains Bahan
	02	Fizik	06	Matematik dan Statistik
	03	Biologi	07	Lain-lain
	04	Biokimia		
Sains Gunaan (SG)	01	Kimia	05	Sains Komputer
	02	Fizik	06	Bioteknologi
	03	Biologi	07	Sains Bahan
	04	Matematik dan Statistik	08	Lain-lain
Teknologi Kejuruteraan (TK)	01	Mekanikal dan Pembuatan	06	ICT
	02	Elektrik dan Elektronik	07	Tenaga
	03	Kejuruteraan Awam	08	Pengangkutan
	04	Bahan dan Polimer	09	Lain-lain
	05	Kejuruteraan Kimia		
Sains Kesihatan dan Klinikal (SKK)	01	Sains Perubatan Asas	08	Klinikal Surgikal
	02	Farmasi	09	Klinikal Medikal
	03	Farmakologi	10	Sains Kesihatan Bersekutu
	04	Mikrobiologi Perubatan	11	Pergigian
	05	Parasitologi	12	Sains Kejururawatan
	06	Pathologi	13	Lain-lain
	07	Perubatan Pencegahan Masyarakat		

<b>Kluster : PENGURUSAN &amp; PERNIAGAAN</b>				
Sains Sosial (SS)	01	Antropologi	06	Geografi
	02	Psikologi	07	Ekonomi
	03	Sosiologi	08	Ekologi Manusia
	04	Sains Politik	09	Komunikasi
	05	Pengurusan Perniagaan	10	Lain-lain

<b>Kluster : SAINS SOSIAL &amp; KEMASYARAKATAN</b>				
Sastera dan Sastera Ikhtisas (SSI)	01	Bahasa dan Linguistik	08	Seni
	02	Kesusasteraan	09	Budaya
	03	Agama	10	Pendidikan
	04	Falsafah	11	Dasar dan Undang-undang
	05	Tamadun	12	Alam Bina (aspek kemanusiaan)
	06	Sejarah	13	Lain-lain
	07	Seni		
Sains Tabii dan Warisan Negara (STWN)	01	Alam Sekitar	07	Etnografi
	02	Perhutanan	08	Alam Bina (Aspek Warisan)
	03	Pertanian	09	Budaya
	04	Marin	10	Kepelbagaian Biologi
	05	Arkeologi	11	Lain-lain
	06	Geologi		



## VOT KEWANGAN YANG DIPERAKUI

**Vot 11000:** Upah atau gaji untuk Pegawai / Pembantu Penyelidik (RO / RA).

Siling upah atau gaji bagi RO / RA adalah mengikut kelayakan dan tidak melebihi tempoh 6 bulan.

**Vot 21000:** Perjalanan dan Pengangkutan

Perjalanan domestik dan antarabangsa yang berkaitan dengan projek tidak melebihi 5% daripada jumlah. Sekiranya melebihi 5%, penyelidik perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Geran SInERGI RMC.

**Vot 24000:** Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan prototaip.

**Vot 27000:** Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip sahaja dibenarkan.

**Vot 28000:** Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh ini.

**Vot 29000:** Perkhidmatan Ikhtisas


Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip.

## JAWATANKUASA GERAN SInERGI RMC

Pengerusi Tetap	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pengerusi Ganti	Pengarah RMC
Ahli Tetap	Ketua Unit Pemindahan Teknologi dan Pengkomersilan, RIBU
Ahli	Sekurang-kurangnya dua ahli jawatankuasa di kalangan pensyarah (Ketua/Felo IRMC)
Urusetia	RIBU

Bil	Nama	Jawatan
1.	YBhg. Prof. Dr. Hadariah Bahron	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
2.	Prof. Madya Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman	Pengarah RMC
3.	Prof. Madya Dr. Ismail Bin Musirin	Pengarah, <i>Advanced Computing and Communication (ACC)</i> , CoRe
4.	Prof. Madya Dr. Kalavathy Ramasamy	Pengarah, <i>Pharmaceutical &amp; Life Sciences (PLS)</i> , CoRe
5.	Prof. Madya Dr. Zulkiflee Abd Latif	Ketua Unit Pemantauan Penyelidikan, RMC
6.	Dr. Marziah Mokhtar	Ketua Unit Pemindahan Teknologi dan Pengkomersilan, RIBU
7.	Dr. Rohana Hassan	Ketua Unit Operasi Penyelidikan, RMC
8.	Pn. Tun Anum Shahbanun Ishak	Urusetia, RIBU
9.	En. Mohd Radzuan Mohd Aripin	Urusetia, RIBU

**PROSEDUR PERMOHONAN GERAN SInERGI**

CARTA ALIR	PENERANGAN
 <pre> graph TD     MULA([MULA]) --&gt; 1[1]     1 --&gt; 1A[1A]     1A --&gt; 1     1 --&gt; 2{2}     2 -- Gagal --&gt; 2A[2A]     2 -- Lulus --&gt; 3{3}     3 -- Gagal --&gt; 3A[3A]     3 -- Lulus --&gt; 4[4]     4 --&gt; 5[5]     5 --&gt; 6[6]     6 --&gt; 7[7]     7 --&gt; TAMAT([TAMAT])     </pre>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang Permohonan Geran SInERGI yang lengkap diisi oleh penyelidik akan dihantar ke pejabat RIBU.</li> <li>1A. Sebarang maklumat tambahan yang diperlukan akan dimaklumkan oleh pihak RIBU kepada penyelidik.</li> <li>2. Permohonan yang dihantar akan melalui proses penilaian permohonan (saringan) yang akan dinilai oleh Panel Penilai IPT.</li> <li>2A. Jika permohonan gagal, penyelidik akan dimaklumkan oleh pihak RIBU.</li> <li>3. Jika lulus, permohonan akan melalui tapisan kedua iaitu penilaian pembentangan. Perancangan penyelidikan yang dibentangkan akan dinilai oleh Jawatankuasa Geran SInERGI RMC.</li> <li>3A. Jika permohonan gagal, penyelidik akan dimaklumkan oleh pihak RIBU.</li> <li>4. Jika lulus (berjaya), pihak RIBU akan maklumkan kepada penyelidik untuk menandatangani perjanjian.</li> <li>5. Dalam tempoh masa yang ditetapkan, Jawatankuasa Tabung Amanah RMC akan mengagihkan dana kepada penyelidik secara berperingkat-peringkat.</li> <li>6. RMC akan memantau perkembangan kemajuan penyelidikan dan menerima laporan berkala dari penyelidik.</li> <li>7. Penyelidik dikehendaki menghantar laporan akhir kepada RMC pada tempoh masa yang akan ditetapkan.</li> </ol>